

D.R. 24/2017

**RANG UNDANG-UNDANG AKSES KEPADA SUMBER
BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidapkakaian Akta
3. Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain
4. Tafsiran
5. Akses kepada sumber biologi
6. Hak petani kecil

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

7. Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan
8. Fungsi Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan
9. Pihak Berkuasa Kompeten
10. Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Kompeten
11. Jawatankuasa Penasihat

BAHAGIAN III

KEHENDAK BAGI PERMIT UNTUK MENGAKSES SUMBER BIOLOGI

12. Permohonan permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi
13. Pengeluaran permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi
14. Permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi tidak boleh dipindah milik
15. Permohonan permit bagi maksud bukan komersial

Fasal

16. Pengeluaran permit bagi maksud bukan komersial
17. Keputusan hendaklah dimaklumkan
18. Hal keadaan apabila permit tidak dikehendaki
19. Pemindahan sumber biologi atau hasil penyelidikan berhubung dengan sumber biologi
20. Permit bagi maksud bukan komersial tidak boleh digunakan bagi maksud komersial
21. Pemilikan, dsb., sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi
22. Perjanjian perkongsian faedah
23. Kehendak keizinan termaklum awal dan terma dipersetujui bersama, dsb.

BAHAGIAN IV**PERMIT, DAFTAR, REKOD DAN PELUPUSAN**

24. Permit sebagai keterangan pematuhan
25. Daftar permit
26. Rekod
27. Pelupusan sumber biologi

BAHAGIAN V**PEMBATALAN PERMIT DAN RAYUAN**

28. Pembatalan permit
29. Rayuan terhadap pembatalan permit

BAHAGIAN VI**PEMANTAUAN DAN PENGESANAN**

30. Langkah bagi pemantauan dan pengesanan
31. Pemberitahuan bagi permohonan paten

BAHAGIAN VII
MEKANISME PUSAT PENJELASAN

Fasal

32. Penubuhan mekanisme pusat penjelasan
33. Paparan dan maklumat rahsia

BAHAGIAN VIII
LANGKAH PENGGUNA

34. Langkah untuk menyokong undang-undang negara lain

BAHAGIAN IX
KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN, PENYITAAN,
PENANGKAPAN, DSB.

35. Pegawai penguat kuasa
36. Kuasa penyiasatan
37. Kad kuasa
38. Kuasa untuk memasuki premis
39. Capaian kepada data berkomputer
40. Penyitaan benda, dsb.
41. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut
42. Notis penyitaan
43. Pemulangan sementara pengangkut, dsb.
44. Pelucuthakan sumber biologi yang disita, dsb.
45. Harta mengenai sumber biologi, dsb., yang dilucuthakkan
46. Pelepasan sumber biologi, dsb., yang disita
47. Kos memegang sumber biologi, dsb., yang disita
48. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
49. Kuasa tambahan

BAHAGIAN X

AM

Fasal

50. Pembayaran ke dalam kumpulan wang
51. Pengkompaunan kesalahan
52. Pemulaan pendakwaan
53. Perisytiharan palsu
54. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
55. Kesalahan oleh pekongsi, pekhidmat atau pengantara yang diberi kuasa
56. Pekhidmat awam
57. Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang
58. Perlindungan pemberi maklumat
59. Ganjaran
60. Kuasa untuk mengecualikan
61. Kuasa untuk meminda Jadual
62. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
63. Peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan mana-mana protokol kepada Konvensyen berkenaan dengan akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaannya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA Konvensyen Kepelbagaian Biologi telah dibuka untuk tandatangan di Rio De Janeiro, Brazil pada 5 Jun 1992 dan telah mula berkuat kuasa pada 29 Disember 1993;

DAN BAHAWASANYA Malaysia telah mendepositkan surat cara ratifikasi pada 24 Jun 1994 dan oleh yang demikian mengikut Perkara 36 Konvensyen itu, Konvensyen tersebut mula berkuat kuasa setakat yang berkenaan dengan Malaysia pada 22 September 1994;

DAN BAHAWASANYA Konvensyen Kepelbagaian Biologi memerintahkan Pihak-Pihak untuk mengambil langkah-langkah perundangan, pentadbiran atau polisi, sebagaimana yang sesuai, untuk melaksanakan peruntukan yang berhubungan dengan akses kepada sumber genetik dan perkongsian faedah yang adil dan saksama hasil daripada penggunaan komersial dan penggunaan lain;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa di Negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Ketidapkakaian Akta

2. Akta ini tidak terpakai bagi sumber biologi atau genetik spesifik yang diliputi oleh dan bagi maksud mana-mana instrumen yang khusus mengenai akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak.

Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain

3. (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaan sumber biologi.

(2) Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan dalam mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa pada masa ini, yang berhubungan dengan hutan, hidupan liar, haiwan, perikanan dan perdagangan antarabangsa mengenai spesies terancam, kecuali perkara yang termasuk di bawah peruntukan Akta ini.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengehendakan hak Negeri untuk mengambil tindakan yang berhubungan dengan akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaannya, dengan syarat bahawa tindakan itu selaras dengan objektif dan peruntukan Akta ini.

Tafsiran

4. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“badan penasihat” ertinya suatu badan yang terdiri daripada masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten di bawah subseksyen 9(2);

“Jawatankuasa Penasihat” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan di bawah seksyen 11;

“haiwan” termasuklah—

- (a) apa-apa mamalia (selain manusia), burung, reptilia, amfibia, artropod, atau vertebrata atau invertebrata lain, sama ada hidup atau mati, dan telur, yang mudanya atau bentuk tidak matangnya yang terbit daripadanya;
- (b) apa-apa bahagian atau terbitan sesuatu haiwan yang mudah dikenali;
- (c) hidupan liar sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*]; dan
- (d) ikan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*];

“pengantara yang diberi kuasa” ertinya mana-mana orang yang dinamakan oleh pemohon bagi suatu permit di bawah seksyen 12 atau 15 untuk mengambil sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi bagi pihaknya;

“sumber biologi” termasuklah—

- (a) sumber genetik, organisma, mikroorganisma, terbitan dan bahagian sumber genetik, organisma, mikroorganisma atau terbitan itu;
- (b) populasi dan apa-apa komponen biotik lain bagi suatu ekosistem yang mempunyai kegunaan atau nilai sebenar atau berpotensi kepada manusia; dan

- (c) apa-apa maklumat yang berhubungan dengan perenggan (a) dan (b);

“mekanisme pusat penjelasan” ertinya portal maklumat berasaskan web yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan di bawah seksyen 32;

“Pihak Berkuasa Kompeten” ertinya Pihak Berkuasa Kompeten sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Konvensyen” ertinya Konvensyen Kepelbagaian Biologi;

“terbitan” termasuklah suatu sebatian biokimia yang terhasil secara semula jadi yang diterbitkan, dibangunkan atau disintesiskan, daripada suatu sumber biologi atau terhasil daripada pelahiran genetik atau metabolisme sumber biologi atau genetik itu, atau bahagian, tisu atau ekstrak, sama ada ia mengandungi unit keturunan kefungsiian atau sebaliknya, dan maklumat berhubung dengan terbitan;

“sumber genetik” ertinya apa-apa bahan berasal daripada tumbuhan, haiwan, mikroorganisma, kulat atau asalan lain yang mengandungi unit keturunan kefungsiian dan mempunyai nilai sebenar atau berpotensi bagi manusia;

“masyarakat pribumi” ertinya suatu kumpulan orang yang terdiri daripada—

- (a) dalam hal Semenanjung Malaysia, orang asli sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*]; atau
- (b) dalam hal Sabah dan Sarawak, anak negeri sebagaimana yang ditakrifkan dalam Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan,

dan yang bertutur dalam bahasa orang asli atau anak negeri dan lazimnya mengikut dan mengamalkan cara hidup tradisi, adat dan kepercayaan orang asli atau anak negeri;

“masyarakat tempatan” ertinya suatu kumpulan individu yang telah menetap bersama dan mewarisi secara berterusan proses dan budaya pengeluaran atau suatu kumpulan orang yang menetap bersama dalam suatu kampung atau kawasan dan di bawah suatu sistem ekobudaya;

“mikroorganisma” ertinya apa-apa organisma yang bersaiz mikroskopik dan bahagian organisma yang bersaiz mikroskopik, termasuk organisma, virus dan viroid yang steril;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar;

“bukan komersial” ertinya bagi maksud akademik atau bukan berorientasikan keuntungan;

“permit” ertinya permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten di bawah seksyen 13 atau 16, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pemegang permit” ertinya seseorang yang memegang permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten di bawah seksyen 13 atau 16;

“tumbuhan” termasuklah—

(a) apa-apa spesies tumbuhan atau apa-apa bahagian daripadanya sama ada hidup atau mati dan termasuklah batang, dahan, ubi, bebawang, umbisi, pokok penanti, kayu mata-tunas, keratin, tut, keratan tunas, pelekap, akar, daun, bunga, buah, biji atau apa-apa jua bahagian atau keluaran lain dari sesuatu tumbuhan itu sama ada terputus atau tercantum; dan

(b) apa-apa bahagian atau terbitan tumbuhan yang mudah dikenali;

“premis” termasuklah apa-apa pondok, bangsal, struktur, platform, rumah, bangunan, pengangkut dan tanah sama ada dipagari atau dibina di atasnya atau tidak;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“bahan pembiakan” ertinya apa-apa bahan sumber biologi termasuk bahan berasal daripada tumbuhan atau haiwan atau apa-apa bahagian bahan sumber biologi, yang digunakan untuk penggandaan atau penghasilan semula;

“penyelidikan dan pembangunan” termasuklah kajian atau siasatan sistematik atau aplikasi teknologi melalui penganalisan, pensampelan, bioassai dan penyediaan inventori atau cara lain bagi apa-apa tujuan termasuk penyelidikan taksonomi, dan pembangunan produk komersial berpotensi;

“pemberi sumber” termasuklah—

- (a) Kerajaan Persekutuan, atau Pihak Berkuasa Negeri yang memiliki sumber biologi dalam keadaan *in-situ*;
- (b) Kerajaan Persekutuan, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan sumber biologi *ex-situ*, tempat sumber itu berasal;
- (c) Jabatan, agensi kerajaan atau institusi penggajian tinggi awam yang memegang sumber biologi dalam keadaan *ex-situ*, sama ada di dalam koleksi atau selainnya, yang asalan sumber biologi itu tidak boleh ditentukan dengan usaha wajar;
- (d) Kerajaan Persekutuan atau, Pihak Berkuasa Negeri, dari tempat sumber itu diakses dalam keadaan yang—
 - (i) sumber biologi itu dipegang dalam keadaan *ex-situ* oleh suatu badan swasta; atau
 - (ii) sumber biologi itu diambil daripada tanah persendirian; dan
 - (iii) asalan sumber biologi itu tidak dapat ditentukan dengan usaha wajar.
- (e) masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan, jika sumber itu berada di atas tanah yang mereka mempunyai hak yang diperuntukkan oleh undang-undang;
- (f) masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan, jika mereka ialah pemegang pengetahuan tradisi termasuk anggota masyarakat yang merupakan dukun tradisi; atau
- (g) orang perseorangan, jika sumber biologi itu diambil daripada badan orang perseorangan itu;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya pihak berkuasa negeri di negeri yang berkenaan di dalam Malaysia dan dalam hal Wilayah Persekutuan, Menteri bagi Kerajaan Persekutuan yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan;

“ambil” termasuklah—

- (a) berhubung dengan suatu haiwan, menuai, menangkap, menawan, memerangkap dan membunuh atau memperoleh melalui apa-apa cara lain;
- (b) berhubung dengan suatu spesimen tumbuhan, mengumpul, menuai, memetik, menghimpun dan memotong atau memperoleh melalui apa-apa cara lain;
- (c) berhubung dengan sumber biologi lain termasuk mikroorganisma, mengumpul, memetik atau memperoleh melalui apa-apa cara lain; atau
- (d) untuk memperoleh sumber biologi dengan apa-apa cara lain;

“taksa yang terancam” ertinya spesies yang terancam secara kritikal, terancam atau rentan sebagaimana yang disenaraikan dalam Lampiran I, II dan III Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 [*Akta 686*] masing-masing.

Akses kepada sumber biologi

5. (1) Seseorang dikatakan mempunyai akses kepada sumber biologi sekiranya—

- (a) pengambilan sumber biologi daripada habitat semula jadinya atau tempat yang sumber itu disimpan, tumbuh atau ditemui termasuk dalam pasaran bagi maksud penyelidikan dan pembangunan; atau
- (b) terdapat prospek munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten bahawa sumber biologi yang diambil oleh orang itu akan tertakluk kepada penyelidikan dan pembangunan.

(2) Akses kepada sumber biologi tidaklah termasuk aktiviti yang berikut:

- (a) menangkap ikan bagi perdagangan, rekreasi atau permainan;
- (b) mengambil haiwan atau tumbuhan untuk makanan;
- (c) mengambil sumber biologi yang telah ditanam atau dijaga bagi apa-apa maksud selain maksud penyelidikan dan pembangunan;
- (d) mengambil hasil semula jadi termasuk minyak dan madu bagi apa-apa maksud selain maksud penyelidikan dan pembangunan;
- (e) mengumpul bahan penghasilan semula tumbuhan untuk pembiakan;
- (f) menjalankan perhutanan komersial;
- (g) berhubung dengan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan, bagi penggunaan dan pertukaran sumber biologi itu sesama mereka dalam melaksanakan amalan tradisi dan adat mereka;
- (h) pengambilan sumber biologi oleh mana-mana orang yang merupakan—
 - (i) organisma diubah suai yang hidup sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Biokeselamatan 2007 [*Akta 678*] yang hak harta intelek telah diberikan dan masih wujud; atau
 - (ii) varieti tumbuhan yang suatu hak pembiak baka telah diberikan dan masih wujud di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [*Akta 634*]; dan
- (i) akses kepada sumber biologi yang dikecualikan di bawah seksyen 60.

Hak petani kecil

6. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan untuk mengehendkan hak seseorang petani kecil—

- (a) untuk menyimpan, mengguna, menukar dan menjual biji benih dari ladang sendiri atau bahan pembiakan; dan
- (b) menjalankan pembiakbakaan konvensional atau amalan tradisi dalam penggunaan dalam bidang pertanian, hortikultur, perladangan poltri, penternakan tenusu, penternakan haiwan atau penyimpanan lebah.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “petani kecil” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan

7. (1) Suatu Pihak Berkuasa yang dikenali sebagai “Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan” ditubuhkan.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar yang akan menjadi Pengerusi; dan
- (b) apa-apa bilangan orang yang akan dilantik oleh Menteri.

Fungsi Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan

8. Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menyelaraskan pelaksanaan dan penguatkuasaan peruntukan Akta ini oleh Pihak Berkuasa Kompeten;

- (b) untuk menentukan fi yang kena bayar melalui rundingan dengan Pihak Berkuasa Kompeten;
- (c) untuk berkomunikasi dengan negara lain dan sekretariat yang ditubuhkan di bawah mana-mana triti, perjanjian, konvensyen atau protokol yang berhubungan dengan akses dan perkongsian faedah berhubung dengan sumber biologi, sebagaimana yang sesuai, mengenai perkara di bawah Akta ini;
- (d) untuk melaksanakan dan memenuhi kehendak di bawah mana-mana triti, perjanjian, konvensyen atau protokol yang berhubungan dengan akses dan perkongsian faedah berhubung dengan sumber biologi yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak jika triti, perjanjian, konvensyen atau protokol itu berhubung dengan maksud Akta ini;
- (e) untuk mewujudkan kesedaran dan menyediakan latihan, pendidikan dan maklumat yang berhubungan dengan akses dan perkongsian faedah berhubung dengan sumber biologi;
- (f) untuk menyimpan dan menyenggara suatu daftar permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten dan maklumat yang berhubungan dengan permit itu;
- (g) untuk mewujudkan langkah di bawah subseksyen 30(1) bagi maksud memantau dan mengesan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang diakses;
- (h) untuk menyokong undang-undang adat dan amalan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan, dan pembangunan protokol dan tatacara komuniti oleh masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (i) untuk menubuh dan menyenggara suatu mekanisme pusat penjelasan di bawah seksyen 32;
- (j) untuk berperanan sebagai Pihak Berkuasa Kompeten bagi semua koleksi *ex-situ* jika asalan sumber biologi tidak boleh ditentukan dengan usaha wajar dan tidak termasuk dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Kompeten lain; dan

- (k) untuk melakukan apa-apa perkara yang disifatkannya sesuai untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Pihak Berkuasa Kompeten

9. (1) Pihak Berkuasa Kompeten yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas semua perkara yang berhubungan dengan akses kepada sumber biologi dalam kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah menubuhkan suatu badan penasihat untuk menangani perkara yang berhubungan dengan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang terdiri daripada wakil masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang nasihat itu hendaklah diminta dan diambil kira.

(3) Pihak Berkuasa Kompeten boleh, jika difikirkannya perlu, menubuhkan apa-apa jawatankuasa untuk membantu dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(4) Mana-mana anggota badan penasihat yang dilantik di bawah subseksyen (2), orang lain yang diundang untuk menghadiri apa-apa mesyuarat badan penasihat dan anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (3) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

(5) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah berunding dan mendapatkan nasihat daripada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dalam menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Kompeten

10. (1) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menguruskan semua permohonan bagi akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dalam bidang kuasanya dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;

- (b) untuk menyenggara suatu rekod bagi semua permohonan akses dan keputusan yang berhubungan dengan permohonan itu, termasuk permit yang dikeluarkan;
- (c) untuk menyediakan suatu laporan tahunan berkenaan dengan apa-apa permohonan akses dan keputusan yang berhubungan dengan permohonan itu termasuk permit yang dikeluarkan dan mengemukakan laporan dan salinan permit itu kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan pada atau sebelum apa-apa tarikh yang akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan; dan
- (d) melakukan apa-apa perkara lain yang disifatkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Jawatankuasa Penasihat

11. (1) Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat dan melantik apa-apa bilangan orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran mengenai perkara yang berhubungan dengan disiplin saintifik, perundangan, teknikal, etika dan disiplin lain yang berkaitan untuk menjadi anggota Jawatankuasa Penasihat.

(2) Anggota Jawatankuasa Penasihat yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan mana-mana orang lain yang diundang ke apa-apa mesyuarat Jawatankuasa Penasihat boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan.

(3) Anggota Jawatankuasa Penasihat yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

(4) Jawatankuasa Penasihat hendaklah, atas permintaan, memberikan nasihat bagi perkara saintifik, perundangan, teknikal, etika dan disiplin lain yang berkaitan kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten.

BAHAGIAN III

KEHENDAK BAGI PERMIT UNTUK MENGAKSES SUMBER BIOLOGI

Permohonan permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi

12. (1) Mana-mana orang yang berniat untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi termasuk melalui suatu pengantara yang diberi kuasa untuk tujuan komersial atau komersial berpotensi hendaklah memohon permit kepada Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan dalam bentuk dan cara sebagaimana yang akan ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten boleh, selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (1), meluluskan permohonan itu, jika perkara yang berikut dipenuhi:

- (a) suatu perjanjian perkongsian faedah telah dibuat mengikut seksyen 22;
- (b) dalam hal akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemohon telah mendapat keizinan termaklum awal mengikut seksyen 23;
- (c) permohonan itu bukan bagi apa-apa taksa yang terancam;
- (d) permohonan itu bukan bagi apa-apa spesies yang endemik, spesies nadir atau apa-apa spesies yang dilindungi di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri;
- (e) akses itu tidak mungkin mendatangkan kesan buruk terhadap punca pencarian atau amalan budaya, termasuk amalan keagamaan, istiadat atau tradisi atau adat lain masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan lain;

- (f) dalam hal akses kepada sumber genetik manusia, penggunaannya bukan bagi maksud yang bertentangan dengan nilai-nilai etika atau kepentingan awam;
 - (g) akses itu tidak boleh mendatangkan kesan buruk terhadap alam sekitar yang mungkin sukar untuk dikawal dan dikurangkan;
 - (h) akses itu tidak boleh mengakibatkan hakisan genetik atau menjejaskan apa-apa fungsi ekosistem;
 - (i) akses itu tidak boleh menjejaskan keselamatan makanan;
 - (j) penggunaan sumber biologi itu bukanlah bagi maksud yang bertentangan dengan kepentingan negara atau Negeri;
 - (k) penggunaan sumber biologi itu bukanlah bagi membangunkan senjata biologi atau kimia, atau bagi maksud ketenteraan atau keganasan;
 - (l) penggunaan sumber biologi itu bukanlah bagi maksud yang berkaitan dengan teknologi pembatasan penggunaan genetik;
 - (m) pemohon tidak melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
 - (n) pemohon tidak dihukum bankrap atau, dalam hal suatu syarikat, tidak digulungkan;
 - (o) permohonan itu mematuhi kehendak Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; dan
 - (p) penggunaan sumber biologi itu tidak bertentangan dengan perjanjian antarabangsa atau instrumen yang berkaitan yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak.
- (3) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah menolak permohonan itu jika—
- (a) apa-apa alasan yang dinyatakan dalam subseksyen (2) tidak dipenuhi; atau

(b) selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, pemohon berasal dari, atau selainnya berpangkalan atau beroperasi dalam, bidang kuasa yang tidak memperuntukkan langkah-langkah yang mencukupi dan berkesan yang menghendaki sumber biologi digunakan dalam bidang kuasanya hendaklah diakses mengikut keizinan termaklum awal dan terma dipersetujui bersama hendaklah dibuat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), Pihak Berkuasa Kompeten boleh mengeluarkan permit yang berhubungan dengan perenggan (2)(c) dan (d) jika Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati bahawa permohonan permit itu tidak menjejaskan pemuliharaan dan penggunaan biodiversiti secara mampan.

(5) Selepas memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan di bawah subseksyen (1) dan (2), Pihak Berkuasa Kompeten boleh—

(a) meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat, dan mengeluarkan suatu permit kepada pemohon; atau

(b) menolak permohonan itu, dengan menyatakan alasan bagi penolakan.

(6) Mana-mana orang yang mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi tanpa permit di bawah subseksyen (1) atau melanggar apa-apa syarat yang dikenakan atas permit di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Pengeluaran permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi

13. (1) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mengeluarkan suatu permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten.

(2) Selepas pengeluaran permit di bawah subseksyen (1), tiada perubahan bagi penggunaan berhubung dengan sumber biologi sebagaimana yang dinyatakan dalam permit boleh dibuat kecuali apabila permohonan baharu dibuat dan suatu permit dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(3) Pihak Berkuasa Kompeten boleh pada bila-bila masa selepas mengeluarkan permit di bawah subseksyen (1)—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan bagi permit sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat; atau
- (b) meminda atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan atas permit.

(4) Jika Pihak Berkuasa Kompeten menggunakan subseksyen (3), Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemegang permit mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan memberikan peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, dan setelah mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang permit, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memutuskan sama ada untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat di bawah subseksyen (3).

(6) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada pemegang permit mengenai keputusannya di bawah subseksyen (5) dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan keputusan itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) atau apa-apa syarat yang dikenakan bagi permit di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi tidak boleh dipindah milik

14. (1) Seorang pemegang permit tidak boleh memindah milik perमितnya atau menyerahhakkan apa-apa hak, kewajipan, liabiliti atau obligasi di bawah permit itu kepada mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Permohonan permit bagi maksud bukan komersial

15. (1) Mana-mana orang yang berniat untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, termasuk melalui suatu pengantara yang diberi kuasa bagi maksud bukan komersial hendaklah memohon permit kepada Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu salinan akuan berkanun yang dilengkapkan dengan sempurna sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan bayaran fi yang ditetapkan.

(2) Apa-apa aktiviti yang dijalankan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan dengan kerjasama dengan suatu institusi pengajian tinggi awam, institusi penyelidikan awam atau agensi Kerajaan, melainkan jika Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan berpuas hati bahawa—

- (a) pemohon ialah suatu pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang berpangkalan atau didaftarkan di Malaysia;
- (b) penyelidik tempatan terlibat dalam aktiviti itu; dan
- (c) terdapat suatu program untuk membina keupayaan dimasukkan dalam aktiviti.

(3) Pihak Berkuasa Kompeten boleh, selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (1), meluluskan permohonan itu, jika perkara yang berikut telah dipenuhi:

- (a) permohonan bukan bagi maksud komersial atau komersial berpotensi;
- (b) dalam hal akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemohon telah mendapat keizinan termaklum awal mengikut seksyen 23;
- (c) permohonan itu bukan bagi apa-apa taksa yang terancam;
- (d) permohonan itu bukan bagi apa-apa spesies yang endemik, spesies nadir atau apa-apa spesies yang dilindungi di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri;
- (e) akses itu tidak mungkin mendatangkan kesan buruk terhadap punca pencarian atau amalan budaya termasuk amalan keagamaan, istiadat atau tradisi atau adat lain masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan lain;
- (f) dalam hal akses kepada sumber genetik manusia, penggunaannya bukan bagi maksud yang bertentangan dengan nilai-nilai etika atau kepentingan awam;
- (g) akses itu tidak boleh mendatangkan kesan buruk terhadap alam sekitar yang mungkin sukar untuk dikawal dan dikurangkan;

- (h) akses itu tidak boleh mengakibatkan hakisan genetik atau menjejaskan apa-apa fungsi ekosistem;
 - (i) akses itu tidak boleh menjejaskan keselamatan makanan;
 - (j) penggunaan sumber biologi itu bukanlah bagi maksud yang bertentangan dengan kepentingan negara atau Negeri;
 - (k) penggunaan sumber biologi itu bukanlah untuk membangunkan senjata biologi atau kimia, atau bagi maksud ketenteraan atau keganasan;
 - (l) penggunaan sumber biologi itu bukanlah bagi maksud yang berkaitan dengan teknologi pembatasan penggunaan genetik;
 - (m) pemohon tidak melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
 - (n) pemohon tidak dihukum bankrap atau, dalam hal suatu syarikat, tidak digulungkan;
 - (o) permohonan itu mematuhi kehendak Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; dan
 - (p) penggunaan sumber biologi itu tidak bertentangan dengan perjanjian antarabangsa atau instrumen yang berkaitan yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak.
- (4) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah menolak permohonan itu jika—
- (a) apa-apa alasan yang dinyatakan dalam subseksyen (3) tidak dipenuhi; atau
 - (b) selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, pemohon berasal dari, atau selainnya berpangkalan atau beroperasi dalam, bidang kuasa yang tidak memperuntukkan langkah-langkah yang mencukupi dan berkesan yang menghendaki sumber biologi digunakan dalam bidang kuasanya hendaklah diakses mengikut keizinan termaklum awal dan terma dipersetujui bersama hendaklah dibuat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Pihak Berkuasa Kompeten boleh mengeluarkan permit yang berhubungan dengan perenggan (3)(c) dan (d) jika Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati bahawa permohonan permit itu tidak menjejaskan pemuliharaan dan penggunaan biodiversiti secara mampan.

(6) Selepas memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan di bawah subseksyen (1) dan (3), Pihak Berkuasa Kompeten boleh—

- (a) meluluskan permohonan, dengan atau tanpa syarat, dan mengeluarkan suatu permit kepada pemohon; atau
- (b) menolak permohonan itu, dengan menyatakan alasan bagi penolakan.

(7) Mana-mana orang yang mempunyai akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi tanpa permit di bawah subseksyen (1) atau melanggar apa-apa syarat yang dikenakan atas permit di bawah subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Pengeluaran permit bagi maksud bukan komersial

16. (1) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mengeluarkan suatu permit bagi maksud bukan komersial yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten.

(2) Selepas pengeluaran permit di bawah subseksyen (1), tiada perubahan bagi penggunaan berhubung dengan sumber biologi sebagaimana yang dinyatakan dalam permit boleh dibuat kecuali apabila permohonan baharu dibuat dan suatu permit dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(3) Pihak Berkuasa Kompeten boleh pada bila-bila masa selepas mengeluarkan permit di bawah subseksyen (1)—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan bagi permit sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat; atau
- (b) meminda atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan atas permit.

(4) Jika Pihak Berkuasa Kompeten menggunakan subseksyen (3), Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemegang permit mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan memberikan peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, dan setelah mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang permit, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memutuskan sama ada untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat di bawah subseksyen (3).

(6) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada pemegang permit mengenai keputusannya di bawah subseksyen (5) dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan keputusan itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) atau apa-apa syarat yang dikenakan bagi permit di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Keputusan hendaklah dimaklumkan

17. Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memaklumkan keputusannya secara bertulis kepada pemohon dan memberitahu Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dengan secepat yang dapat dilaksanakan keputusan mana-mana permohonan yang berhubungan dengan permit yang dibuat di bawah Akta ini.

Hal keadaan apabila permit tidak dikehendaki**18. Permit tidak dikehendaki bagi—**

- (a) mana-mana orang yang bekerja atau belajar dan menjalankan penyelidikan bagi maksud bukan komersial di dalam atau di bawah kuasa, institusi pengajian tinggi awam, institusi penyelidikan awam atau agensi Kerajaan di dalam Malaysia, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dan tertakluk kepada keizinan termaklum awal masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang berkenaan telah diperoleh bagi apa-apa akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang disebut dalam subseksyen 23(1);
- (b) bagi pertukaran sumber biologi antara orang di dalam suatu institusi pengajian tinggi awam, institusi penyelidikan awam atau agensi Kerajaan di dalam Malaysia atau antara institusi atau agensi itu di dalam Malaysia bagi maksud bukan komersial, melainkan jika dikehendaki selainnya oleh Pihak Berkuasa Kompeten dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan; atau
- (c) oleh mana-mana orang atau institusi di dalam atau di luar Malaysia yang mengakses sumber biologi daripada pemegang permit di bawah subseksyen 15(1) atau orang atau institusi di bawah perenggan (a), atas permintaan pemegang permit atau orang atau institusi itu, bagi maksud menjalankan atau meneruskan penyelidikan bagi maksud bukan komersial.

Pemindahan sumber biologi atau hasil penyelidikan berhubung dengan sumber biologi

19. (1) Tiada orang atau institusi yang disebut dalam perenggan 18(a) dan (b) boleh memindahkan apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi atau hasil penyelidikan berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi kepada seseorang atau institusi selain daripada yang disebut dalam perenggan 18(a) dan (b) tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Kompeten.

(2) Jika kelulusan diberikan oleh Pihak Berkuasa Kompeten untuk pemindahan, pemindahan itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dan penerima pindahan hendaklah memohon permit di bawah Akta ini, melainkan diputuskan selainnya oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

(3) Pemegang permit atau orang atau institusi yang disebut dalam perenggan 18(a) dan (b) hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Kompeten mengenai akses itu dan akses itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

Permit bagi maksud bukan komersial tidak boleh digunakan bagi maksud komersial

20. Tiada orang yang kepadanya permit dikeluarkan bagi maksud bukan komersial dan tiada orang atau institusi yang disebut dalam perenggan 18(a) dan (b) dan penerima pindahan yang disebut dalam subseksyen 19(2) boleh menjalankan, atau membenarkan pihak lain untuk menjalankan, penyelidikan dan pembangunan bagi maksud komersial atas apa-apa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, melainkan jika orang itu memperoleh suatu permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi di bawah subseksyen 13 dan suatu perjanjian perkongsian faedah telah dibuat mengikut seksyen 22.

Pemilikan, dsb., sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi

21. (1) Mana-mana orang yang bukan seorang perantara yang diberi kuasa dan yang mempunyai dalam pemilikannya atau di bawah kawalannya suatu sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan—

(a) membekal, menjual, menawarkan atau mengiklankan untuk jualan; atau

(b) menawarkan untuk keuntungan, perolehan atau faedah,

sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu kepada seseorang yang menghendaki suatu permit di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Perjanjian perkongsian faedah

22. (1) Pemohon bagi suatu permit untuk akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, bagi maksud komersial atau komersial berpotensi hendaklah membuat suatu perjanjian perkongsian faedah dengan pemberi sumber itu.

(2) Perjanjian perkongsian faedah hendaklah berdasarkan terma dipersetujui bersama dan memperuntukkan perkongsian faedah yang adil dan saksama.

(3) Jika Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Negeri bukan pemberi sumber di bawah subseksyen (1), Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki pemohon untuk membayar suatu peratusan daripada apa-apa faedah kewangan yang diperoleh di bawah perjanjian perkongsian faedah sebagaimana yang ditentukannya.

(4) Apa-apa faedah kewangan itu hendaklah didepositkan ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

(5) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah menggunakan apa-apa bayaran atau mana-mana bahagian daripada bayaran yang diterima di bawah Bahagian ini bagi pemuliharaan biodiversiti dan penggunaan mampan komponennya dan untuk perbelanjaan sampingan lain.

Kehendak keizinan termaklum awal dan terma dipersetujui bersama, dsb.

23. (1) Keizinan termaklum awal masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang berkenaan hendaklah diperoleh bagi apa-apa akses kepada—

(a) suatu sumber biologi atas tanah yang masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan itu mempunyai hak sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang; dan

(b) pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang dipegang oleh masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan itu.

(2) Keizinan termaklum awal masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan hendaklah diperoleh mengikut undang-undang dan amalan adat, protokol dan tatacara masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Mana-mana orang yang berniat untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi dalam subseksyen (1) bagi maksud komersial atau komersial berpotensi di bawah subseksyen 12(1) hendaklah membuat suatu perjanjian perkongsian faedah dengan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang berkaitan.

(4) Keizinan termaklum awal hendaklah diperoleh daripada dan perjanjian perkongsian faedah hendaklah dibuat dengan—

(a) wakil, pertubuhan atau badan yang dikenal pasti mengikut undang-undang dan amalan adat, protokol dan tatacara bagi masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan tersebut; atau

(b) jika tiada wakil atau pertubuhan bagi pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu yang boleh dikenal pasti—

(i) dengan pemegang pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dalam masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan itu; atau

(ii) dengan Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika pemegang pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu tidak boleh dikenal pasti.

(5) Apa-apa faedah kewangan yang diperoleh daripada perjanjian perkongsian faedah yang dibuat di bawah subperenggan 4(b)(ii) hendaklah didepositkan ke dalam suatu kumpulan wang yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan apa-apa faedah, termasuk jika berkenaan faedah bukan kewangan, hendaklah digunakan untuk kepentingan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan dengan mengambil kira nasihat badan penasihat yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(2).

(6) Jika pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang sama dikongsi oleh lebih daripada satu masyarakat pribumi atau tempatan—

- (a) pemohon hendaklah memperoleh keizinan termaklum awal dan membuat perjanjian perkongsian faedah dengan wakil atau pertubuhan bagi semua pemegang pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang boleh dikenal pasti dengan sewajarnya; atau
- (b) jika tidak boleh dipraktikkan dalam semua hal keadaan untuk menentukan kesemua pemegang itu, dan hal ini dibuktikan sehingga Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati, pemohon hendaklah memperoleh keizinan termaklum awal, dan membuat perjanjian perkongsian faedah dengan wakil atau pertubuhan pemegang itu yang boleh dikenal pasti dengan sewajarnya oleh pemohon.

(7) Dalam keadaan terdapat tuntutan daripada mana-mana masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan bahawa ia merupakan pemegang sah pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi setelah permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah—

- (a) menentukan tuntutan tersebut selepas berunding dengan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang daripadanya keizinan termaklum awal telah diperolehi dan perjanjian perkongsian faedah dibuat;
- (b) jika tuntutan itu dibuktikan sehingga Pihak Berkuasa Kompeten berpuas hati, mengisytiharkan bahawa masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan tersebut berhak untuk berkongsi faedah yang kena dibayar kepada masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan bawah perjanjian perkongsian faedah; dan
- (c) menentukan kuantum atau sifat faedah yang masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan berhak di bawah perenggan (b), selepas berunding dengan semua masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang berkaitan.

BAHAGIAN IV

PERMIT, DAFTAR, REKOD DAN PELUPUSAN

Permit sebagai keterangan pematuhan

24. (1) Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah, setelah pengeluaran permit di bawah seksyen 13 atau 16, mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan sesalinan permit itu.

(2) Permit yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menjadi keterangan berkenaan dengan maklumat yang berikut:

- (a) keizinan termaklum awal Pihak Berkuasa Kompeten bagi akses kepada sumber biologi;
- (b) keizinan termaklum awal masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan di bawah seksyen 23 bagi akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) asalan sumber biologi yang diakses;
- (d) penetapan suatu perjanjian perkongsian faedah dengan pemberi sumber jika berkenaan;
- (e) orang yang kepadanya permit itu dikeluarkan; dan
- (f) kegunaan yang baginya permit itu dikeluarkan.

Daftar permit

25. Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

Rekod

26. (1) Mana-mana orang yang kepadanya permit dikeluarkan bagi akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi hendaklah menyimpan rekod yang berikut:

- (a) perihalan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu, termasuk pengenalan unik yang ada;

- (b) tarikh atau tarikh-tarikh akses;
- (c) tempat akses;
- (d) kuantiti atau saiz sumber biologi itu (seperti berat atau dimensi fizikal);
- (e) nama umum dan saintifik, atau yang diberikan kepada, sumber biologi itu;
- (f) lokasi sumber biologi itu disimpan; dan
- (g) butir-butir berkenaan dengan apa-apa pelupusan fizikal yang kemudian bagi sumber biologi itu, termasuk nama dan alamat pihak lain yang mempunyai milikan sumber biologi atau suatu bahagian sumber biologi itu.

(2) Suatu salinan rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diberikan kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten dalam tempoh tiga puluh hari selepas sumber biologi itu diambil atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten, masing-masingnya.

(3) Suatu rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disimpan oleh pemegang permit semasa sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu dalam milikan pemegang itu dan untuk dua puluh tahun selepas tamat tempoh penggunaan.

Pelupusan sumber biologi

27. (1) Jika seseorang pemegang permit tidak berniat untuk menyimpan sumber biologi yang baginya pemegang itu mempunyai rekod mengikut subseksyen 26(1), pemegang permit itu hendaklah menawarkan sumber biologi itu kepada Pihak Berkuasa Kompeten.

(2) Jika Pihak Berkuasa Kompeten tidak bersetuju untuk mengambil sumber biologi itu dalam keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1), pemegang permit itu hendaklah melupuskan sumber biologi itu mengikut cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten dan pemegang permit itu hendaklah dengan serta-merta mengemukakan suatu laporan bagi pelupusan sumber biologi itu kepada Pihak Berkuasa Kompeten.

BAHAGIAN V

PEMBATALAN PERMIT DAN RAYUAN

Pembatalan permit

28. (1) Pihak Berkuasa Kompeten boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini atas semua atau mana-mana daripada alasan yang berikut:

- (a) pemegang permit itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini;
- (b) pemegang permit telah melanggar apa-apa syarat permit itu;
- (c) permit itu dikeluarkan akibat maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (d) permit itu telah diperoleh dengan cara tidak sepatutnya atau menyalahi undang-undang; atau
- (e) pemegang permit telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Sebelum membatalkan permit itu, Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah memberikan pemegang permit suatu peluang untuk didengari.

(3) Jika Pihak Berkuasa Kompeten membatalkan permit di bawah subseksyen (1), Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemegang permit dan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan keputusan dan alasan bagi pembatalan itu.

(4) Setelah diberitahukan sedemikian, pemegang permit hendaklah dengan serta-merta menyerahkan permit itu, apa-apa hasil penyelidikan dan dokumen yang berkenaan, dan sumber biologi yang telah diakses kepada Pihak Berkuasa Kompeten yang mengeluarkan permit itu.

(5) Mana-mana pemegang permit yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan bagi suatu kesalahan berterusan, boleh didenda lanjut tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan; atau

- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, dan bagi suatu kesalahan berterusan, boleh didenda lanjut tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Rayuan terhadap pembatalan permit

29. (1) Seseorang yang terkilang dengan pembatalan permit boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas dimaklumkan secara bertulis tentang pembatalan itu, merayu terhadap keputusan itu kepada Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh, setelah menimbangkan suatu rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang dirayukan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak atau sama ada Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengikut kehendak keadaan.

BAHAGIAN VI

PEMANTAUAN DAN PENGESANAN

Langkah bagi pemantauan dan pengesanan

30. (1) Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten dan agensi lain yang berkenaan hendaklah menetapkan langkah bagi maksud pemantauan dan pengesanan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi.

(2) Langkah itu hendaklah termasuk—

- (a) penentuan tempat pemeriksaan; dan
- (b) kehendak untuk mengemukakan permit di tempat pemeriksaan yang ditetapkan.

(3) Tempat pemeriksaan yang ditentukan di bawah perenggan (2)(a) hendaklah termasuk pejabat atau pihak berkuasa yang menguruskan mengenai permohonan paten, pendaftaran atau kelulusan produk dan geran pendanaan penyelidikan awam.

(4) Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi tempat pemeriksaan hendaklah memaklumkan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan secara bertulis mengenai permit yang dikemukakan di bawah perenggan (2)(b).

Pemberitahuan bagi permohonan paten

31. (1) Mana-mana orang yang memohon bagi suatu paten, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang diakses hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh permohonan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; dan

(c) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

BAHAGIAN VII

MEKANISME PUSAT PENJELASAN

Penubuhan mekanisme pusat penjelasan

32. Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan hendaklah menubuhkan dan menyenggara mekanisme pusat penjelasan sebagai suatu cara perkongsian maklumat yang berhubungan dengan akses dan perkongsian faedah dan maklumat yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Kompeten kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini.

Paparan dan maklumat rahsia

33. (1) Suatu salinan permit termasuk maklumat yang terkandung dalam permit itu yang dihantar kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan di bawah Akta ini hendaklah, pada masa yang sama, dipaparkan di laman web mekanisme pusat penjelasan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa.

(2) Maklumat di bawah subseksyen (1) hendaklah tidak boleh dipaparkan jika maklumat itu dikelaskan sebagai rahsia sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kompeten yang berkaitan.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), maklumat dikelaskan sebagai rahsia jika—

(a) maklumat itu sensitif mengikut kebudayaan; atau

(b) didedahkan, maklumat itu boleh—

(i) merosakkan kepentingan komersial seseorang;

(ii) mengakibatkan risiko terhadap biodiversiti; atau

(iii) memudaratkan kepentingan negara.

(4) Apa-apa penentuan kerahsiaan di bawah subperenggan (3)(b)(i) hendaklah dibuat atas permohonan oleh pemohon.

BAHAGIAN VIII**LANGKAH PENGGUNA****Langkah untuk menyokong undang-undang negara lain**

34. (1) Mana-mana orang hendaklah mengemukakan permit atau apa-apa yang seumpamanya sebagai keterangan pematuhan kepada undang-undang atau kehendak pengawalseliaan lain suatu pihak kepada Protokol Nagoya kepada pihak berkuasa yang berkenaan, sebelum menggunakan atau mengkomersialkan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang diakses daripada bidang kuasa Pihak itu, jika Pihak itu menghendaki permit atau apa-apa yang seumpamanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan hendaklah menetapkan langkah yang bertujuan untuk mencegah penggunaan atau pengkomersialan di dalam Malaysia berkenaan dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, yang tidak disertakan dengan permit atau yang seumpamanya.

(3) Pemberitahuan oleh Pihak Berkuasa Kompeten pihak lain kepada Protokol kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan bahawa Pihak Berkuasa Kompeten itu tidak mengeluarkan permit atau apa-apa yang seumpamanya untuk akses kepada sumber biologinya atau pengetahuan tradisinya yang berkaitan dengan sumber biologi, atau terma dipersetujui bersama telah ditetapkan, ialah keterangan *prima facie* pemberitahuan itu.

BAHAGIAN IX

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN, PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.

Pegawai penguat kuasa

35. Pegawai penguat kuasa ialah mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri atas syor Pihak Berkuasa Kompeten.

Kuasa penyiasatan

36. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

(3) Seksyen ini tidak boleh dianggap sebagai mengehendkan atau menyentuh mana-mana kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Kad kuasa

37. (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai penguat kuasa di bawah seksyen 35 suatu kad kuasa yang ditandatangani oleh seorang pegawai yang ditetapkan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Kompeten yang berkaitan.

(2) Bilamana pegawai penguat kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa untuk memasuki premis

38. Seorang pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau kenyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa; atau
- (c) memungut apa-apa sumber biologi.

Capaian kepada data berkomputer

39. Mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya, dan bagi maksud itu, hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer itu difahami.

Penyitaan benda, dsb.

40. Mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seorang pegawai penguat kuasa telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai penguat kuasa itu.

Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut

41. (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa mana-mana sumber biologi, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan mana-mana sumber biologi, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa —

(a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa memeriksanya; dan

(b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Notis penyitaan

42. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan penyitaan itu kepada pemunya sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu, jika pemunya itu atau tempat dia berada diketahui.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran—

(a) pemunya atau ejennya;

(b) penghuni premis itu; atau

(c) orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu jika penyitaan itu dibuat di bawah seksyen 40.

(3) Jika mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang distorkan, disimpan atau dijumpai, pegawai penguat kuasa menyita barang itu hendaklah menyediakan suatu senarai barang-barang yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemunya atau orang yang bertanggungjawab bagi tempat, premis atau pengangkut yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmat pemunya atau orang itu, di tempat, premis atau pengangkut itu.

Pemulangan sementara pengangkut, dsb.

43. (1) Jika apa-apa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan disita di bawah Akta ini, mahkamah boleh buat sementara memulangkan pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunya pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu atau orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh mahkamah, dan tertakluk kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu akan diserahkan balik kepada mahkamah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi.

(2) Jika apa-apa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) tidak menyerahkan balik pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada mahkamah apabila diminta; atau
- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Pelucuthakan sumber biologi yang disita, dsb.

44. (1) Mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa ia tidak boleh dilucuthakkan boleh, dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam miliknya sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa itu hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada seorang Majistret bagi mendapatkan keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya telah dilakukan dan bahawa sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret itu hendaklah memerintahkan supaya sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Kompeten dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Kompeten, termasuk penghantaran pulang di bawah subseksyen (9) sekiranya Pihak Berkuasa Kompeten memutuskan sedemikian.

(9) Apabila suatu keputusan bagi penghantaran pulang dibuat di bawah Akta ini berkenaan dengan mana-mana sumber biologi yang telah diimport ke Malaysia yang melanggar Akta ini, dan sumber biologi itu telah dibawa ke dalam Malaysia dalam suatu pengangkut, pemunya atau pengimport sumber biologi itu atau ejennya hendaklah, jika dikehendaki secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Kompeten, mengadakan atau bertanggungjawab bagi—

- (a) perjalanan percuma bagi pemulangan sumber biologi itu ke tempat sumber biologi itu diangkut ke Malaysia, atau ke mana-mana pelabuhan atau tempat yang lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten; dan
- (b) jika dikehendaki, penyenggaraan dan penstoran yang sepatutnya bagi sumber biologi itu semasa pelayaran, penerbangan atau perjalanan.

(10) Tiada seorang pun bertanggung di bawah subseksyen (9) melainkan keputusan penghantaran pulang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Kompeten dalam tempoh—

- (a) jika tiada prosiding dimulakan, dua belas bulan dari tarikh sumber biologi itu diimport ke dalam Malaysia jika tiada prosiding dimulakan; atau
- (b) enam bulan dari tarikh prosiding bagi kesalahan yang berkaitan dengan pengimportan ke dalam Malaysia itu selesai.

(11) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (9) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit.

Harta mengenai sumber biologi, dsb., yang dilucuthakkan

45. Mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa Kompeten.

Pelepasan sumber biologi, dsb., yang disita

46. Walau apa pun seksyen 44, Pihak Berkuasa Kompeten boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan supaya mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dilepaskan kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita.

Kos memegang sumber biologi, dsb., yang disita

47. Jika mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita atau diserahkan di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Pihak Berkuasa Kompeten sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos untuk memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Kompeten atau Kerajaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

48. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita atau diserahkan pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini atau pada perjalanan yang berupa perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa tambahan

49. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen dan meneliti, memeriksa dan menyalin mana-mana rekod, akaun dan dokumen;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya;
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya telah dipatuhi.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN X

AM

Pembayaran ke dalam kumpulan wang

50. Kecuali wang yang diterima oleh suatu Pihak Berkuasa Kompeten di bawah seksyen 22 dan subseksyen 23(5), semua wang yang diterima di bawah Akta ini oleh Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada—

- (a) jika Pihak Berkuasa Kompeten di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kumpulan Wang Disatukan; atau
- (b) jika Pihak Berkuasa Kompeten di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Pengkompaunan kesalahan

51. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan —

- (a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang boleh dikompaun;
- (b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan; dan
- (c) kaedah dan tatacara mengkompaun kesalahan.

(2) Pihak Berkuasa Kompeten boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pihak Berkuasa Kompeten suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Kompeten, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan mana-mana sumber biologi, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain disita berkaitan kesalahan itu boleh dilucuthakkan atau dilepaskan oleh Pihak Berkuasa Kompeten di bawah seksyen 44 dan 46, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

Pemulaan pendakwaan

52. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Perisytiharan palsu

53. (1) Mana-mana orang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberikan apa-apa perisytiharan, penyata, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki di bawah Akta ini yang tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan mengenai apa-apa butiran melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) tanpa kuasa yang sah mengubah, memalsukan, mencatitkan atau merosakkan apa-apa permit, perakuan atau pendaftaran; atau
- (b) menggunakan apa-apa permit, perakuan atau pendaftaran yang diketahuinya telah diubah, dipalsukan, dicatitkan atau dirosakkan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (aa) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau
- (bb) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

54. Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan itu—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Kesalahan oleh pekongsi, pekhidmat atau pengantara yang diberi kuasa

55. Mana-mana orang yang boleh dikenakan mana-mana penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekongsi, pekhidmatnya atau pengantara yang diberi kuasa melainkan jika dia membuktikan—

- (a) bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau pembiarannya; dan

- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu.

Pekhidmat awam

56. Tiap-tiap anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten semasa menunaikan kewajibannya sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang

57. Tiada tindakan boleh diambil atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) mana-mana anggota, pegawai atau pegawai penguat kuasa Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten, pegawai penguat kuasa atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai semunasabahnya bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Perlindungan pemberi maklumat

58. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua bahagian itu ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

Ganjaran

59. Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten boleh memerintahkan supaya dibayar apa-apa ganjaran sebagaimana yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang bagi perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengesanan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, atau berkaitan dengan apa-apa penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa untuk mengecualikan

60. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini yang berikut:

(a) suatu sumber biologi atau koleksi sumber biologi spesifik, termasuk untuk tambahan koleksi pada masa hadapan dan bagi maksud seperti yang dinyatakan oleh Menteri, jika—

(i) sumber yang dipegang sebagai spesimen yang jauh dari alam semula jadi, sama ada dalam koleksi atau sebaliknya, oleh jabatan atau agensi kerajaan dan akses kepada sumber biologi ditadbir oleh jabatan atau agensi tersebut mengikut cara yang selaras dengan objektif Akta ini;

(ii) terdapat permintaan secara bertulis oleh jabatan kerajaan atau agensi yang memegang sumber biologi mengikut subperenggan (1)(a)(i); atau

(iii) terdapat pertukaran dan penggunaan amalan sedia ada yang memperuntukkan akses dan perkongsian manfaat sumber biologi selaras dengan matlamat Akta ini;

(b) mana-mana orang atau golongan orang atau mana-mana sumber biologi, termasuk apa-apa penggunaan sumber biologi, atas syor Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan dan rundingan dengan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan badan penasihat yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(2) jika kepentingan masyarakat Peribumi dan masyarakat tempatan mungkin terjejas, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan oleh Menteri.

(2) Menteri boleh menetapkan tatacara yang berbeza berkenaan dengan sumber biologi yang tertentu atau koleksi sumber biologi tertentu untuk menggalakkan pemuliharaan biodiversiti.

(3) Menteri hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan sebelum membuat apa-apa pengecualian di bawah perenggan (1)(a) jika sumber biologi terletak dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri tertentu.

(4) Menteri boleh, atas syor Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan badan penasihat yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(2) jika kepentingan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan mungkin akan terjejas, membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi diperlukan.

Kuasa untuk meminda Jadual

61. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

(2) Jadual Pertama hanya boleh dipinda dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

62. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten, dan jika perlu dan berkenaan, badan penasihat yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(2), membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) menetapkan cara untuk memohon akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi di bawah Akta ini, butir-butir yang perlu dikemukakan oleh pemohon, tempoh, terma, syarat dan sekatan yang akan dikenakan ke atas pengeluaran permit;
- (b) menetapkan terma dan syarat bagi akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi di bawah subseksyen 18(a) dan (b);
- (c) mengadakan tatacara khas untuk sumber biologi tertentu atau koleksi sumber biologi tertentu untuk memajukan pemuliharaan biodiversiti;

- (d) mengadakan tatacara atau kod standard bagi akses dan perkongsian faedah sumber biologi secara am atau sumber biologi atau koleksi sumber biologi tertentu dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi;
- (e) menetapkan cara bagi akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi melalui pengantara yang diberi kuasa;
- (f) mengadakan peruntukan bagi pembatalan permit;
- (g) mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan fi dan caj;
- (h) mengadakan tatacara bagi rayuan;
- (i) mengadakan peruntukan bagi komposisi, elaun, tatacara dan perkara-perkara bersampingan yang berhubungan dengan penubuhan dan perjalanan badan penasihat, jawatankuasa dan Jawatankuasa Penasihat;
- (j) mengadakan terma minimum bagi perjanjian perkongsian faedah;
- (k) mengadakan langkah yang bertujuan untuk mencegah penggunaan dalam Malaysia, sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, yang tidak disertakan dengan permit atau seumpamanya dan keterangan terma yang telah dipersetujui bersama telah diwujudkan;
- (l) mengadakan langkah bagi maksud pemantauan dan penganjakan sumber biologi yang diakses;
- (m) mengadakan elemen penting untuk memperoleh keizinan termaklum awal masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan; dan
- (n) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau yang perlu untuk melaksanakan sepenuhnya peruntukan Akta ini dan bagi pentadbiran yang sewajarnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Peruntukan peralihan

63. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, sedang mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang Akta ini terpakai dengan keizinan pemberi sumber hendaklah, dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, membuat permohonan bagi permit di bawah seksyen 12 atau 15, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sementara menunggu penentuan permohonan itu, orang itu boleh terus mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu.

(3) Selepas Akta ini mula berkuat kuasa, mana-mana orang yang memiliki sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang berkenaan Akta ini akan terpakai dan tiada perjanjian perkongsian faedah dibuat, hendaklah membuat perjanjian dengan pemberi sumber jika—

- (a) terdapat suatu penggunaan baharu sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu; atau
- (b) terdapat pembangunan suatu produk baharu hasil daripada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu.

(4) Apabila tamatnya perjanjian perkongsian faedah di bawah subseksyen (3), Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah mengeluarkan permit di bawah seksyen 12 bagi akses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 9(1)]

PIHAK BERKUASA KOMPETEN

Pihak Berkuasa Kompeten	Sumber Biologi	Kawasan
Kementerian Wilayah Persekutuan	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Johor
Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Kedah
Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Kelantan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Melaka
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Negeri Sembilan
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Pahang
Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Pulau Pinang
Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Perak
Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Perlis
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Selangor
Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Terengganu
Majlis Biodiversiti Sabah	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Sabah
Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli	Semua yang diliputi di bawah Akta ini	Sarawak

Rang Undang-Undang

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 15(1)]

Borang 1

AKUAN BERKANUN

PERMOHONAN BAGI SUATU PERMIT BAGI MAKSUD BUKAN KOMERSIAL

Saya _____ [*nama pemohon*] (No. Kad Pengenalan/No. Pasport _____) dari _____ [*alamat*] dengan sesungguhnya dan ikhlas mengaku seperti yang berikut:

1. Bahawa berhubung dengan [*masukkan sumber biologi, pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi, tujuan akses dan kegunaan*], saya—

- (a) tidak berniat untuk menggunakan sumber biologi itu atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu, yang cadangan tindakan adalah berkaitan, bagi maksud komersial atau komersial berpotensi;
- (b) mengaku janji untuk memberi laporan bertulis tentang apa-apa hasil penyelidikan ke atas sumber biologi itu atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu kepada Pihak Berkuasa Kompeten;
- (c) mengaku janji untuk menawarkan salinan pendua taksonomi sumber biologi yang dikutip kepada Pihak Berkuasa Kompeten;
- (d) mengaku janji untuk tidak memberi sumber biologi itu kepada mana-mana orang selain daripada Pihak Berkuasa Kompeten tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu; dan
- (e) mengaku janji untuk tidak menjalankan, atau membenarkan pihak lain menjalankan, penyelidikan atau pembangunan bagi maksud komersial atau komersial berpotensi ke atas mana-mana sumber biologi, atau terbitan, atau berhubung dengan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi itu, melainkan jika dia memperoleh suatu permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi mengikut seksyen 12 dan suatu perjanjian perkongsian faedah telah dibuat, mengikut subseksyen 22(1) Akta ini.

2. Saya sedar bahawa seseorang yang dengan niat membuat suatu kenyataan palsu dalam suatu akuan berkanun melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 53 Akta ini.

Dan saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya dan percaya dengan hemat bahawa akuan ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas }
di..... }
di Negeri }
pada..... }
....., 20

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Hakim
Mahkamah Sesyen, Majistret
atau Pesuruhjaya Sumpah)

HURAIAN

Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk melaksanakan Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan Protokol Nagoya mengenai Akses kepada Sumber Genetik dan Perkongsian Faedah secara Adil dan Saksama yang timbul daripada Penggunaannya kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan.

1. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi ketidakpakaian Akta yang dicadangkan kepada sumber biologi atau genetik spesifik yang diliputi oleh dan bagi maksud instrumen yang khusus mengenai akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah.

Fasal 3 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan ini hendaklah dibaca dengan undang-undang bertulis yang lain dan dianggap sebagai tambahan kepada, dan bukan pengurangan daripada, undang-undang lain.

Fasal 4 mengandungi tafsiran perkataan dan ungkapan spesifik yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud akses kepada sumber biologi dan aktiviti bagi maksud selain maksud penyelidikan dan pembangunan yang bukan merupakan akses tersebut.

Fasal 6 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa hak-hak petani kecil tidak boleh dihadkan oleh Akta yang dicadangkan.

2. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, Pihak Berkuasa Kompeten dan Jawatankuasa Penasihat.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan anggotanya.

Fasal 8 mengandungi fungsi Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pihak Berkuasa Kompeten.

Fasal 10 mengandungi fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Kompeten.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Penasihat oleh Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan fungsinya.

3. Bahagian III Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan permit untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi.

Fasal 12 memperkatakan permohonan bagi permit untuk akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi bagi maksud komersial atau komersial berpotensi. Seksyen yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang akan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan sebelum meluluskan permohonan untuk permit.

Fasal 13 mengandungi peruntukan mengenai pengeluaran permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi dengan atau tanpa syarat.

Fasal 14 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa permit bagi maksud komersial atau komersial berpotensi tidak boleh dipindah milik.

Fasal 15 memperkatakan permohonan bagi permit untuk akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi bagi maksud bukan komersial. Seksyen yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang akan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan sebelum meluluskan permohonan untuk permit.

Fasal 16 mengandungi peruntukan mengenai pengeluaran permit bagi maksud bukan komersial dengan atau tanpa syarat.

Fasal 17 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa keputusan apa-apa permohonan permit hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada pemohon.

Fasal 18 mengandungi peruntukan mengenai keadaan jika permit tidak dikehendaki di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 19 mengandungi peruntukan mengenai pemindahan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi atau hasil penyelidikan berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi kepada seseorang atau institusi.

Fasal 20 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa permit bagi maksud bukan komersial tidak boleh digunakan bagi maksud komersial.

Fasal 21 mengandungi larangan mengenai berurusan dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi dengan orang yang bukan perantara yang diberi kuasa dan yang mempunyai dalam pemilikannya atau di bawah kawalannya suatu sumber biologi atau pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi.

Fasal 22 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemohon bagi mendapatkan permit untuk akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi bagi maksud komersial atau komersial berpotensi hendaklah membuat suatu perjanjian perkongsian faedah dengan pemberi sumber itu.

Fasal 23 mengandungi peruntukan mengenai keperluan untuk mendapatkan keizinan termaklum awal daripada masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan yang berkaitan dan perkongsian faedah melalui terma dipersetujui bersama.

4. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai permit, daftar dan rekod permit, dan pelupusan sumber biologi.

Fasal 24 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa permit hendaklah menjadi keterangan pematuhan.

Fasal 25 memperkatakan penyimpanan dan penyenggaraan daftar permit.

Fasal 26 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi rekod yang hendaklah disimpan oleh pemegang permit.

Fasal 27 memperkatakan pelupusan sumber biologi oleh pemegang permit.

5. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai pembatalan permit dan rayuan.

Fasal 28 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi alasan pembatalan permit.

Fasal 29 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi rayuan oleh orang yang terkilan dengan pembatalan permit hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi.

6. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai pemantauan dan pengesanan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi.

Fasal 30 memperkatakan langkah-langkah untuk memantau dan mengesan sumber biologi atau pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi melalui penubuhan tempat pemeriksaan.

Fasal 31 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang memohon bagi suatu paten berhubung dengan sumber biologi atau pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh permohonan.

7. Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubung dengan mekanisme pusat penjelasan.

Fasal 32 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan mekanisme pusat penjelasan untuk perkongsian maklumat yang berhubung dengan akses dan perkongsian faedah.

Fasal 33 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keperluan untuk menghantar salinan permit termasuk maklumat dalam laman web mekanisme pusat penjelasan kecuali jika ia diklasifikasikan sebagai sulit oleh Pihak Berkuasa Kompeten yang berkaitan. Kriteria apabila maklumat dalam permit adalah dianggap sulit juga disediakan dalam *Fasal* ini.

8. Bahagian VIII mengandungi peruntukan yang berhubung dengan langkah pengguna.

Fasal 34 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan langkah untuk menyokong undang-undang akses dan perkongsian faedah Pihak kepada Protokol Nagoya Mengenai Akses kepada Sumber Genetik dan Perkongsian Fedah secara Adil dan Saksama yang timbul daripada Penggunaan mereka dan untuk menghalang penggunaan dalam Malaysia mana-mana sumber biologi atau pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi yang belum diakses mengikut undang-undang atau keperluan peraturan Pihak itu.

9. Bahagian IX mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan, penyitaan, penangkapan, dsb.

Fasal 35 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik pegawai-pegawai penguat kuasa atas syor Pihak Berkuasa Tempatan.

Fasal 36 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai penguat kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 37 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi setiap pegawai penguat kuasa yang diberi kuasa hendaklah dikeluarkan suatu kad kuasa dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kadnya apabila perlu di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 38 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai penguat kuasa untuk memasuki mana-mana premis bagi tujuan pemeriksaan, pengesahan atau pengambilan sumber-sumber biologi.

Fasal 39 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukan yang berhubung dengan akses kepada data berkomputer.

Fasal 40 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukan yang berhubung dengan penyitaan benda, dsb.

Fasal 41 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut.

Fasal 42 bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas pegawai penguat kuasa untuk memberi notis penyitaan benda yang disita.

Fasal 43 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemulangan sementara pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita oleh mahkamah kepada pemunya tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh mahkamah.

Fasal 44 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelucuthakan sumber biologi dsb. yang disita.

Fasal 45 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa sumber biologi dan lain-lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa Kompeten.

Fasal 46 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelepasan apa-apa yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 47 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kos memegang apa-apa jua yang disita atau diserahkan di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Kompeten atau Kerajaan dan boleh didapatkan kembali sewajarnya jika orang itu didapati bersalah atas suatu kesalahan.

Fasal 48 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan atau penyerahan apa-apa pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini atau pada perjalanan yang berupa perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, hendaklah mendapatkan kembali dalam apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Fasal 49 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan pegawai penguat kuasa bagi maksud pelaksanaan Akta yang dicadangkan.

10. Bahagian X mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan perkara-perkara am.

Fasal 50 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua wang yang diterima kecuali di bawah seksyen 22 dan subseksyen 23(5) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dalam kes apabila Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kumpulan Wang Disatukan Negeri dalam kes apabila Pihak Berkuasa Kompeten yang berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Fasal 51 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Kompeten untuk mengkompaun kesalahan secara bertulis dengan keizinan Pendakwa Raya.

Fasal 52 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi permulaan pendakwa.

Fasal 53 bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang untuk memberikan apa-apa perisytiharan palsu, dsb.

Fasal 54 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Fasal 55 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengongsi, pekhidmat atau pengantara yang diberi kuasa.

Fasal 56 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan atau Pihak Berkuasa Kompeten hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*] semasa menunaikan kewajipannya seperti itu.

Fasal 57 dan *58* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukan yang berhubungan dengan perlindungan pegawai dan pemberi maklumat masing-masing terhadap prosiding undang-undang.

Fasal 59 bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan ganjaran.

Fasal 60 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa, untuk mengecualikan sumber biologi yang spesifik atau koleksi sumber biologi spesifik atau mana-mana orang daripada peruntukan Akta yang dicadangkan.

Fasal 61 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Pertama (dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan) dan Jadual Kedua melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Fasal 62 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan peraturan-peraturan di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 63 memperkatakan peruntukan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3017]